

PR perlu atasi keraguan pengundi untuk ke Putrajaya: Guan Eng
Malaysian Insider
23 September, 2012
Oleh Md Izwan

IPOH, 23 Sept — Pakatan Rakyat (PR) perlu mengatasi keraguan dikalangan pengundi terhadap keupayaan memerintah, boleh bekerja sebagai satu unit serta membuktikan matlamat utamanya bukan kerana gila kuasa, kata Lim Guan Eng.

Guan Eng menuduh tiga mitos tersebut berpunca daripada Barisan Nasional (BN) yang dianggapnya sebagai penghalang besar kepada PR untuk menawan Putrajaya.

"Kita perlu hapuskan 3 mitos yang dicipta BN ini jika PR berhasrat memenangi kuasa di Perak dan Putrajaya," kata Ketua Menteri Pulau Pinang (gambar) itu pada Konvensyen Tahunan DAP Negeri Perak hari ini.

Mitos pertama yang didakwa BN ialah kerajaan akan bankrap kalau PR berjaya memerintah Malaysia, namun Guan Eng menolaknya dengan memberi contoh kejayaan mentadbir empat negeri.

"Rekod PR di empat negeri membuktikan Malaysia tidak akan bankrap, bahkan memperoleh keuntungan yang besar," kata Guan Eng.

Guan Eng kemudiannya menerangkan mitos kedua iaitu menggunakan agama sebagai alasan untuk memburukkan imej PR.

"Yang kedua adalah dakwaan MCA bahawa kemenangan PR akan membawa kepada sebuah negara Islam ala PAS, manakala UMNO menggugut orang Melayu bahawa akan wujud negara Kristian negeri ala DAP," kata Guan Eng.

Bagi mitos ketiga, Guan Eng menyelar cubaan menakutkan rakyat Malaysia yang dilakukan Umno yang mengulangi insiden 13 Mei akan berulang jika PR memerintah Malaysia.

Ketiga-ketiga mitos ini, Guan Eng membuat kesimpulan ia hanya retorik kerana ia adalah sebahagian taktik Umno dan BN yang takut kehilangan kuasa.

Bagi mengatasi mitos tersebut, Guan Eng menggesa kesemua pemimpin di negeri yang ditadbir PR menunjukkan imej baik dan bersih sepanjang memerintah.

"Atas sebab ini, PR mesti menekankan integriti, kepimpinan yang bersih dan urus tadbir yang baik serta adanya pemimpin yang berkebolehan," kata Guan Eng.

Guan Eng juga berkata amalan tender terbuka dan pengisytiharan aset wajar adalah salah satu contoh ketelusan kerajaan PR berbanding BN yang sentiasa mengamalkan rasuah dan kroni.

"Kita mesti kekalkan tender terbuka dan mengisytiharkan aset untuk menunjukkan kita tidak menyembunyikan apa-apa, sebagai contoh pemimpin PR yang telah berbuat demikian di Pulau Pinang, tambahya lagi.

Guan Eng juga menyelar tindakan Umno dan BN yang menggunakan tiga taktik pembohongan untuk menyerang PR bagi memenangi undi.

"Pembohongan pertama adalah bahawa Malaysia akan bankrap jika PR menang, kedua adalah tuduhan MCA bahawa kemenangan PR akan membawa kepada sebuah negara Islam ala PAS dan ketiga adalah bahawa akan ada satu lagi rusuhan kaum 13 Mei jika terdapat perubahan kerajaan.

"Rasuah semakin teruk di Malaysia, kedudukan kita dari jatuh daripada No. 37 pada tahun 2003 kepada No 60 tahun ini," katanya.

Di samping itu, Ngeh Koo Ham selaku pengerusi DAP Perak pada majlis sama turut mempersoalkan keupayaan kerajaan pusat mentadbir negara selepas jatuh ke kedudukan ke-60 dalam Indeks Rasuah Transparensi Antarabangsa.

"Kerajaan PR memberi wang dan faedah lain daripada lebihan belanjawan manakala kerajaan BN memberinya dengan belanjawan defisit belanjawan. Rasuah di bawah kerajaan BN juga berterusan," kata Ngeh.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pr-perlu-atasi-keraguan-pengundi-untuk-ke-putrajaya-guan-eng/>